

→ PENDIDIKAN

[FOTO ADI SAFRI /BH]



Maszlee (kanan) beramah mesra dengan murid ketika melakukan tinjauan hari pertama sesi persekolahan 2019 di SK Ledang, Tangkak, semalam.



Fokus pada aspek pembelajaran menyeronokkan di dalam kelas juga perlu ditingkat bagi membolehkan murid mendapat manfaat optimum, sekali gus mampu mengembangkan potensi masing-masing yang berlainan”

Maszlee Malik,
Menteri Pendidikan

MANSUH UJIAN TAHAP SATU

Inisiatif lahir murid lebih kreatif

➔ Langkah mampu transformasi pendidikan sekolah rendah: Maszlee

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@nstp.com.my

✦ Tangkak

Pemansuhan Peperiksaan Tahap Satu (Tahun Satu, Dua dan Tiga) mulai tahun ini diharap menjadi pemangkin ke arah murid lebih kreatif dan bersemangat ke sekolah.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata langkah itu juga diharap mampu mentransformasikan pendidikan sekolah rendah negara yang sebelum ini lebih bertumpu pada peperiksaan.

“Kita berharap guru Tahap Satu akan lebih kreatif dalam mencungkil potensi dan kebolehan murid, selain memastikan mereka sentiasa bersemangat serta seronok hadir ke sekolah.

“Fokus pada aspek pembelajaran menyeronokkan di dalam kelas juga perlu ditingkat bagi membolehkan murid mendapat manfaat optimum, sekali gus mampu mengembangkan potensi masing-masing yang berlainan.

Dapat lebih manfaat

“Kementerian percaya murid Tahap Satu akan mendapat manfaat dengan menjadi lebih kreatif, bijak dan bersemangat, selain lebih se-

ronok ke sekolah,” katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan hari pertama persekolahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Ledang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Pendidikan Johor, Shaharudin Sharif.

Oktober lalu, Maszlee mengemukakan peperiksaan bagi murid Tahap Satu akan dimansuhkan mulai tahun ini dan digantikan dengan sistem pentaksiran lebih objektif.

Dalam pada itu, Maszlee berkata, kementerian juga akan memfokus terhadap usaha mengurang-

kan beban tugas guru, tahun ini.

“Saya akan mengumumkan berita baik kepada guru bagi mengurangkan beban tugas mereka dalam perutusan tahun baharu pada 14 Januari ini.

Tingkat semangat guru

“Diharap inisiatif diumumkan nanti bakal memberi kelegaan, di samping meningkatkan semangat guru dalam mendidik anak bangsa,” katanya.

Mengulas mengenai kurikulum baharu yang dijangka dilaksanakan pada akhir 2020 atau awal

2021 pula, beliau berkata, formula terbaik sedang dikaji bagi memantapkan kurikulum pendidikan negara.

“Jawatankuasa Dasar dan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang dilantik sedang merangka serta mengkaji formula terbaik daripada dapatan dan maklum balas pelbagai pihak berkepentingan.

“Kementerian akan mengemukakan hasil dan formula berkenaan apabila ia selesai nanti bagi mendapatkan maklum balas semua pihak,” katanya.

Kementerian sedia Meja Bantuan di JPN

Putrajaya: Kementerian Pendidikan menyediakan perkhidmatan Meja Bantuan *Help Desk* pada peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN) bagi membantu ibu bapa yang memerlukan penjelasan atau maklumat tertentu berkaitan sesi persekolahan tahun ini.

Dalam kenyataan, di sini, semalam, kementerian memaklumkan ibu bapa boleh menggunakan kemudahan itu untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu seperti pemansuhan Peperiksaan Tahap

Satu (Tahun Satu, Dua dan Tiga), buku teks, bantuan awal persekolahan serta pendaftaran sekolah bagi kanak-kanak warga Malaysia tanpa dokumen.

Khidmat bermula hari ini

“Khidmat Meja Bantuan ini akan beroperasi mulai 2 Januari 2019 (hari ini) pada waktu pejabat,” katanya.

JPN Perlis boleh dihubungi melalui talian 04-9737693; Kedah (04-7404000); Pulau Pinang (04-

6521012); Perak (05-5015109); dan Selangor (03-55108711).

Seterusnya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (03-62046145/46); Wilayah Persekutuan Putrajaya (03-88890000); Negeri Sembilan (06-7653192); Melaka (06-2325542); Johor (07-2310000); dan Pahang (09-5715741).

Kelantan (09-7418082/8092); Terengganu (09-6213003); Sabah (088-537111); Sarawak (08-2473712/08-2473742); dan Wilayah Persekutuan Labuan (087-583360).